

# Cadangan mansuh sekolah vernakular tidak ancam bahasa ibunda

**KUALA LUMPUR 20 Sept.** - Cadangan bagi memansuhkan sekolah vernakular di negara ini tidak perlu dilihat sebagai satu ancaman kepada bahasa ibunda masing-masing, sebaliknya secara positif, langkah tersebut mampu merencana perpaduan dalam kalangan pelajar sejak kecil lagi.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), **Prof. Datuk Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan** berkata, pihak-pihak yang menentang cadangan itu tersalah faham dengan agenda sebenar langkah itu yang hanya bertujuan untuk menyatukan rakyat.

Menurutnya, jika dilihat secara positif, cadangan tersebut tidak menghapuskan identiti kaum di negara ini kerana sistem pendidikan yang merangkumi pelbagai ba-

hasa telah diperkasakan oleh kerajaan tanpa melupakan mana-mana kaum.

"Sebagai contoh, kita ada subjek Bahasa Iban. Jadi, apabila cadangan ini diutarakan, apa yang perlu dilihat adalah matlamat yang perlu dicapai dan bukannya terasa terancam kerana khuatir kehilangan identiti masing-masing.

"Malah, kerajaan perlu meyakinkan golongan-golongan yang menentang cadangan tersebut bahawa langkah itu tidak akan mengancam identiti, sebaliknya dapat mengukuhkan lagi keharmonian di negara ini," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Presiden Alumni Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) Kebangsaan, Syed Anuar Syed Mohamad yang berpendapat, langkah itu turut merangkumi kesediaan kerajaan memansuhkan sekolah vernakular secara beransur-ansur tanpa meminggirkan bahasa ibunda masing-masing seperti Cina, Tamil dan bahasa etnik lain.



**SYED ANUAR**

Sementara itu, Pensyarah Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), **Prof. Dr. Othman Lebar** berkata, cadangan tersebut dilihat mampu mengukuhkan hubungan antara pelajar-pelajar

yang berbilang kaum kerana mereka belajar di bawah satu bumbung.

Katanya, ibu bapa juga perlu dijelaskan berhubung model pendidikan tersebut supaya penerimaan itu lebih meluas serta dapat memahami dengan lebih baik lagi budaya dan cara hidup antara satu sama lain.

"Apa yang penting, kita mahu perhubungan kaum itu benar-benar berlaku dan tidak dipaksa-paksa. Sistem yang dicadangkan ini harap dapat menghasilkan hubungan yang jitu antara pelajar berbilang kaum.

"Malah, untuk merealisasikan cadangan tersebut, sistem pendidikan di negara ini juga perlu diperkukuh supaya pihak-pihak yang gusar kehilangan identiti mereka mampu menerima cadangan itu," katanya.